

## **Komunikasi Interpersonal Guru Besar Dan Komitmen Guru Di Sekolah Rendah Zon**

**Maharani Muar**

M. Al. Muzzammil B. Yasin & Kamariah Binti Matrawi

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti Komunikasi Interpersonal Guru Besar dan Komitmen Guru di Sekolah Rendah Zon Maharani, Muar, Johor. Dua jenis Model Komunikasi Interpersonal dikaji hubungannya dengan Komitmen Guru. Seramai 217 orang guru dilibatkan dalam kajian ini bagi menjawab set soal selidik yang mengandungi 59 item yang mewakili dimensi yang dikaji. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (Version 16.0)* bagi mendapatkan nilai frekuensi, peratusan, min, korelasi, Ujiant dan Anova bagi kajian. Dapatkan menunjukkan bahawa semua dimensi yang dikaji berada pada tahap tinggi dengan nilai min bagi jenis Komunikasi Interpersonal iaitu Model Humanistik dan Model Pragmatik masingmasing mendapat nilai min 3.814 dan 3.825. Model Humanistik Keterbukaan mencapai min terendah iaitu 3.745 manakala Model Pragmatik Daya Ekspresif mencapai min tertinggi iaitu 3.907. Bagi komitmen guru telah mencapai min yang tinggi iaitu 4.267. Korelasi antara model komunikasi interpersonal yang diamalkan oleh Guru Besar dan komitmen guru juga dikaji. Nilai korelasi adalah 0.598, bermaksud terdapat hubungan yang positif tetapi sederhana. Beberapa cadangan kajian lanjutan diberikan bagi tujuan penambahbaikan kajian.

*Katakunci :* komunikasi interpersonal, guru besar, komitmen guru

### **Pendahuluan**

Sekolah merupakan satu institusi sosial yang menyediakan kemudahan penyampaian ilmu pengetahuan kepada pelajar. Guru Besar sebagai seorang pemimpin utama di peringkat sekolah berperanan penting dalam merancang dan melaksanakan segala misi dan visi Kementerian Pelajaran di peringkat akar umbi. Justeru, hubungan interpersonal dalam kepimpinan adalah sangat penting bagi sesuatu organisasi. Pemimpin berwibawa ialah pemimpin yang dapat berkomunikasi dengan orientasi bersikap keterbukaan, jujur, amanah, berkongsi matlamat dan komitmen dalam menjalankan tugas. Satu lagi faktor yang menentukan kejayaan atau kegagalan sesebuah organisasi adalah faktor tahap komitmen guru kepada sekolah. Isuisu seperti kepuasan kerja, ganjaran, konsep empowerment, latihan dalam pembangunan serta komunikasi interpersonal Guru Besar mempunyai hubungan yang signifikan dengan komitmen organisasi.

Ini menunjukkan bahawa kemampuan komunikasi interpersonal akan mempengaruhi konsep kendiri seseorang. Cara individu berinteraksi akan member persepsi tertentu kepada orang lain terhadap dirinya. Persepsi orang lain ini merupakan penilaian terhadap diri individu tersebut. Oleh itu, Guru Besar perlu memiliki ilmuilmu berkaitan komunikasi interpersonal bagi memudahkan mereka menguruskan guruguru dan kakitangan sekolah.

### **Pernyataan Masalah**

Kemahiran berkomunikasi interpersonal Guru Besar akan mempengaruhi tahap pembangunan dan kelangsungan organisasi. Komunikasi interpersonal merupakan elemen penting dalam pengurusan organisasi sekolah yang dianggotai oleh pelbagai budaya. Kebolehan Guru Besar menyampaikan maklumat dengan jelas serta bebas daripada kekeliruan membangkitkan

dorongan bekerja yang tinggi dalam kalangan guruguru, mengelak berlakunya konflik dan salah faham serta membangkitkan perasaan saling mempercayai antara satu sama lain.

Antara faktorfaktor yang menyebabkan ketidakberkesanan komunikasi ialah Guru Besar dan guruguru tiada kemahiran komunikasi. Maklumat yang disampaikan tidak jelas, prosedur kerja tidak sistematik, tiada kriteria untuk membuat keputusan, kurang penghargaan, tiada penilaian dalaman antara penyebab komunikasi interpersonal Guru Besar tidak berfungsi dengan sebaiknya. Selain daripada itu, kurang kemesraan, kurang keprihatinan antara Guru Besar dan guruguru menimbulkan masalah kurang komitmen dan ketidakpuasan kerja guru. Persoalannya ialah sejauh manakah Guru Besar telah menggunakan teknikteknik komunikasi interpersonal yang sesuai dan berkesan bagi mendapatkan komitmen guruguru di sekolah ?

Bulach, Winston & Diana (1998) mendapati kesilapan yang sering dilakukan oleh Guru Besar ialah mempunyai kemahiran hubungan manusia yang lemah dan mempunyai kemahiran komunikasi interpersonal yang rendah. Kemahiran komunikasi interpersonal seseorang pemimpin adalah penting kepada sebuah organisasi. Ini adalah kerana komunikasi disifatkan sebagai satu proses yang dihadapi setiap hari oleh pemimpin. Melalui kemahiran komunikasi interpersonal ini akan dapat melahirkan insan yang berkualiti dalam organisasi.

Pengkaji ingin melihat perkaitan yang wujud di antara komunikasi interpersonal Guru Besar yang dikaji terhadap komitmen guru. Dapatkan kajian akan dapat membantu Guru Besar agar menilai diri seterusnya mengambil langkah-langkah terbaik untuk menjadi Guru Besar yang cemerlang.

### **Objektif Kajian**

Objektif umum kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti komitmen guru terhadap Komunikasi Interpersonal yang digunakan oleh Guru Besar semasa berkomunikasi di sekolah. Objektif khusus kajian ini adalah ;

- (i) Untuk mengenal pasti jenisjenis Komunikasi Interpersonal Guru Besar yang sering digunakan.
- (ii) Untuk mengenal pasti Komitmen Guru terhadap Komunikasi Interpersonal Guru Besar.
- (iii) Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perhubungan yang signifikan antara jenisjenis Komunikasi Interpersonal Guru Besar berdasarkan jantina, bangsa, taraf pendidikan dan pengalaman bekerja responden.
- (iv) Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara jenisjenis Komunikasi Interpersonal Guru Besar berdasarkan jantina, bangsa, taraf pendidikan dan pengalaman bekerja responden.

### **Kepentingan Kajian**

Dapatkan kajian ini dijangka meningkatkan lagi kebolehpercayaan peranan komunikasi interpersonal organisasi secara amnya dan komunikasi interpersonal Guru Besar secara khususnya dalam pencapaian matlamat strategi organisasi. Kajian berkaitan faktor hubungan manusia penting untuk mewujudkan iklim sekolah yang baik. Hubungan komunikasi interpersonal yang positif akan mewujudkan suasana kerja yang menyeronokkan dan menambah komitmen guru untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan. Matlamat akhir untuk menjana sekolah ke arah sekolah cemerlang di segi jasmani, emosi, rohani dan intelek akan terlaksana.

Kajian ini juga bertujuan untuk membuka minda semua Guru Besar agar lebih memahami dan memberi perhatian terhadap komunikasi interpersonal yang berkesan semasa menjalankan tugas di sekolah. Kajian ini juga diharap dapat memberi manfaat kepada semua Guru Besar dan menyedarkan mereka bahawa komunikasi interpersonal yang baik dengan guru amat penting untuk mewujudkan iklim sekolah yang kondusif. Dalam konteks komitmen guru, apabila Guru Besar dapat berinteraksi dengan baik, maka lebih positif kesan terhadap kerja guru seperti kepuasan dan prestasi kerja. Kajian ini juga akan mengenal pasti hubungan faktorfaktor demografi dengan komitmen guru terhadap sekolah. Jika faktor kekanan guru dari segi umur atau tempoh perkhidmatan adalah peramal kepada komitmen guru, maka tindakan sewajarnya boleh dilakukan untuk memenuhi keperluan golongan ini dan meningkatkan lagi komitmen golongan yang lebih muda.

### **Teori Tembusan Sosial**

Teori Tembusan Sosial (*Social Penetration Theory*) ini dikemukakan oleh Altman & Taylor (1973). Teori ini menyatakan dalam proses menjalin hubungan, komunikasi berubah daripada tahap cetek, tidak intim kepada tahap yang lebih mendalam dan peribadi dalam jangka masa tertentu. Dalam konteks ini proses komunikasi interpersonal adalah proses tembusan sosial yang bertujuan untuk berkongsi maklumat tentang diri dengan pasangan masingmasing. Menurut Altman dan Taylor, lebih banyak yang kita ketahui tentang pasangan kita maka lebih peribadi sifat komunikasi kita.

Proses pembentukan hubungan di antara dua individu dilihat oleh Altman dan Taylor sebagai proses menembusi lapisan bawang besar. Bawang mengandungi lapisan luar atau kulit nipis, diikuti dengan lapisan-lapisan lain yang semakin ke dalam semakin kuat dan padat. Begitulah juga dengan lapisan personaliti diri kita. Proses mengetahui seseorang sebenarnya memerlukan kita menembusi kulit bawang supaya dapat masuk ke lapisan bawah kulit dan seterusnya ke bahagian tengah bawang. Kita hanya boleh mengetahui isi bawang selepas kita menembusinya. Malah kita boleh mengetahui diri orang lain kalau kita dapat berkomunikasi dengannya supaya proses pendedahan kendiri boleh berlaku seperti berikut;

- (i) Perkara luaran lebih kerap dan lebih awal diceritakan kepada teman baru. Perbualan adalah pada tahap tidak formal.
- (ii) Pendedahan kendiri ada respirokal (timbal balik) yang membolehkan perkongsian.
- (iii) Tembusan berlaku dengan cepat pada peringkat awal perkenalan tetapi menjadi lambat selepas sampai ke lapisan yang lebih tengah. Selalunya kita tidak suka bercerita tentang perkara yang lebih peribadi. Pertahanan dalaman dan norma masyarakat melarang kita daripada terlalu banyak bercerita tentang perkara peribadi dengan kenalan baru. Hubungan selalu bertahan di tahap lama sebelum berubah ke tahap intim, sehingga ada kalanya hubungan terhenti atau berakhir jika berlaku perpisahan ataupun ketegangan.
- (iv) Proses kebalikan tembusan (*depenetration*) adalah proses menarik diri dari satu lapisan ke satu lapisan sama seperti dilalui pada peringkat tembusan.

### **Teori Pengurangan Ketidakpastian**

Teori Pengurangan Ketidakpastian (*Uncertainty Reduction Theory*) memberi tumpuan terhadap komunikasi manusia bagi mendapatkan pengetahuan disamping membentuk persefahaman satu sama lain. Semasa kita berkomunikasi sesama kita, sebenarnya kita mempunyai tujuan untuk mengetahui tentang individu itu – siapa dia, dari mana asalnya, kenapa dia berjumpa kita, apakah

latar belakangnya dan apakah niatnya terhadap kita. Perkara seperti ini mempengaruhi kita untuk bertanya soalan, memberi jawapan ataupun berdiam diri bila kita berjumpa seseorang yang tidak kita kenali buat pertama kali.

Teori Pengurangan Ketidakpastian ini mengatakan apabila kita berjumpa seseorang yang kita tidak kenali sebelumnya, kita merasa tidak pasti seperti ketidakpastian perlakuan yang boleh diatasi dengan mengikuti prosedur dan ketidakpastian kognitif yang kita tidak dapat atasi dengan mendapatkan maklumat. Teori ini mempunyai beberapa aksiom ( kenyataan yang diterima sebagai benar tanpa perlu diuji ) dan dikenali sebagai teori aksiomatik yang menyatakan bahawa seseorang itu melalui tiga tahap dalam membentuk hubungan iaitu fasa pemulaan ( memberi maklumat biografi diri ), fasa peribadi ( berkongsi nilai, kepercayaan, sikap dan maklumat peribadi) dan fasa *exit* ( rancangan interaksi seterusnya). Terdapat lima aksiom bagi menerangkan hubungan antara individu iaitu;

- (i) kita perlu berkomunikasi
- (ii) manusia berkomunikasi secara digital ( komunikasi verbal) dan analogik ( komunikasi bukan verbal )
- (iii) komunikasi mengandungi isi dan hubungan (merujuk aspek hubungan dalam interaksi )
- (iv) keadaan hubungan bergantung kepada bagaimana setiap pihak menandakan rangkaian komunikasi mereka
- (v) semua komunikasi adalah komplementari ( saling melengkapi)

### **Etika Komunikasi**


Terdapat beberapa beberapa aspek utama yang mempertimbangkan etika iaitu komunikasi interpersonal, komunikasi dalam kumpulan, komunikasi dalam organisasi, komunikasi politik, kodkod etika, periklanan dan media penyampaian berita. Sifat umum yang dikemukakan ialah isusu etika yang berlaku semulajadi dalam komunikasi. Kemahiran berkomunikasi adalah berdasarkan ilmu pengetahuan. Oleh itu ia mesti dipelajari. Untuk menjadi orang yang pandai berkomunikasi, kita berpegang pada etika atau adab apabila berkomunikasi. Dengan mengamalkan etika, kita dapat memelihara perhubungan kita. Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2000), ciri-ciri etika komunikasi ialah ; bersikap jujur, tidak menuduh, nilai bersama, gambaran tepat, berkata benar, selaras, tidak menyampuk dan bersikap positif . Antara kepentingan etika dalam komunikasi adalah seperti berikut;

- (i) mengelakkan konflik atau salah faham
- (ii) mengeratkan hubungan
- (iii) lebih memahami budaya lain
- (iv) sebagai panduan pelajaran
- (v) mengawal tingkah laku manusia
- (vi) memajukan atau melancarkan proses komunikasi
- (vii) memperkuatkan dan memperkuatkan norma-norma masyarakat
- (viii) sebagai kod kepada cara berkomunikasi

### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh manakah Komitmen Guru terhadap Komunikasi Interpersonal Guru Besar. Data diperolehi dengan menggunakan soal selidik yang telah

diedarkan kepada responden yang terpilih mewakili populasi iaitu guruguru di sembilan buah sekolah di Zon Maharani, Muar, Johor. Setiap maklumat telah ditafsirkan secara kuantitatif.



**Rajah 1 : Rangka Kerja Konseptual ( Conceptual Framework)**

Merujuk Rajah 1 Model Kajian dibentuk sebagai Rangka Kerja Konseptual (Conceptual Framework) yang menjadi kerangka utama kajian ini. Ia menggambarkan secara ringkas proses-proses yang terlibat dalam mencetuskan idea terhadap kajian ini. Teori Tembusan Sosial, Teori Pengurangan Ketidakpastian, Proses Komunikasi, Model Komunikasi Humanistik dan Pragmatik, Model Komitmen Organisasi telah digunakan dan diadaptasikan oleh penyelidik bagi membentuk Model Kajian Hubungan Komunikasi Interpersonal Guru Besar dengan Komitmen guruguru di sekolah.

Penyelidik berpendapat bahawa ada kaitan antara jenis Komunikasi Interpersonal yang diamalkan oleh Guru Besar dengan Komitmen Guru di sekolah. Impak positif adalah sama ada sekolah akan menghadapi masalah keterlibatan guru dalam setiap program sekolah dan boleh merendahkan prestasi kerja guru atau sebaliknya. Oleh sebab kajian berkisar kepada perhubungan sebab akibat, terdapat dua pemboleh ubah utama iaitu pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar yang perlu dikaji. Rasionalnya, pemboleh ubah bebas menyebabkan pemboleh ubah bersandar wujud. Pemboleh ubah adalah perkara yang diletakkan nilai untuk tujuan analisis dan kajian. Dalam kajian ini, "Komunikasi Interpersonal" bebas dari ukuran. Kedua, pemboleh ubah bergantung ( bersandar), skornya bergantung kepada pemboleh ubah

bebas iaitu “Komitmen Guru. Dalam kajian ini, hipotesis asas adalah jenis Komunikasi Interpersonal Guru Besar boleh menyumbang kepada Komitmen Guru di sekolah. Dengan itu, pemboleh ubah bebas adalah Komunikasi Interpersonal Guru Besar dan pemboleh ubah bersandar adalah Komitmen Guru.

### **Sampel Kajian**

Penyelidik akan menggunakan populasi guru di Zon Maharani. Populasi merupakan cerapan ke atas sekumpulan individu atau objektif yang mempunyai sekurangkurangnya satu ciri atau sifat yang sama di antara individu dengan individu lain (Mohd Najib,1999). Di dalam kajian ini, kaedah persampelan berkelompok digunakan bagi tujuan memilih sampel yang diperlukan di dalam kajian. Tahap kesukaran dalam membuat persampelan berkelompok atau individu adalah sama ataupun lebih senang. Kaedah ini masih mengekalkan prinsip rawak dan membenarkan reka bentuk kajian yang dicakupi oleh skop penyelidik individu. Kaedah ini berguna apabila populasi tertabur dalam kawasan yang luas.

Faerah penggunaan persampelan berkelompok lebih mirip kepada penjimatan kos dan masa pengendalian kaji selidik. Ketepatan maklumat yang didapati melalui teknik ini adalah lebih kurang sama dengan kaedah persampelan tanpa had bagi saiz yang sama. Kelemahan persampelan ini adalah melibatkan bukan satu sampel tetapi dua atau lebih dengan kemungkinan berlaku kesilapan pensampelan dalam setiap sampel.

Berdasarkan data yang diperolehi daripada Pengurus Zon Maharani, populasi seluruh guru di Sekolah Kebangsaan di Zon Maharani pada tahun 2008 adalah 500 orang. Menurut Jadual Krejcie dan Morgan (1970) , apabila populasi 500 maka saiz sampel minimum yang diperlukan adalah 217.

Sampel dipilih secara rawak kelompok iaitu daripada 20 buah sekolah dibuat undian untuk mendapatkan 9 buah sekolah yang mempunyai guru berjumlah 217 orang. Rasional pemilihan sampel ini adalah kerana setiap hari guruguru akan berhadapan dengan Guru Besar. Jika Komunikasi Interpersonal Guru Besar kurang baik, akan menjelaskan komitmen guru semasa di sekolah. Oleh itu sampel ini dipilih bagi melihat komitmen guru dan jenis Komunikasi Interpersonal yang selalu digunakan oleh Guru Besar semasa mengurus sekolah.

### **Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan Borang Soal Selidik sebagai instrumen kajian. Borang Soal Selidik yang dibangunkan ini mengandungi 3 bahagian. Borang soal selidik adalah instrumen pengumpulan data berbentuk *self report* , iaitu setiap responden perlu mengisi jawapan. Penyelidik ingin mengukur perbezaan ciriciri yang pelbagai dengan menggunakan borang soal selidik. Kandungan dan penyusunannya adalah bergantung kepada keperluan objektif penyelidik.

### **Taburan Itemitem Soal Selidik**

Bahagianbahagian dalam taburan item soal selidik tersebut terdiri daripada Bahagian A, bahagian B dan Bahagian C yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

(i) Bahagian A mengandungi 7 soalan berkaitan demografi seperti jantina, bangsa, umur, tahap pendidikan teringgi, pengalaman bekerja, lama bekerja bersama Guru Besar dan jantina Guru Besar.

(ii) Bahagian B pula mengandungi 40 soalan berkaitan jenis komunikasi interpersonal. Soalan dirangka berdasarkan jenisjenis komunikasi interpersonal Model Humanistik dan Model Pragmatik. Setiap Model mempunyai 5 dimensi dan setiap dimensi dibentuk 4 item yang berkaitan. Skala Likert digunakan daripada 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju).


(iii) Bahagian C mengandungi 12 soalan berkaitan komitmen guru terhadap jenis komunikasi Guru Besar. Skala Likert digunakan daripada 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju).

**Jadual 2 : Taburan Item Soal Selidik**

Taburan Soalan			
Bahagian	Item	Nombor Soalan	Jumlah Item
A	Demografi	1,2,3,4,5,6,7	7
B	Model Humanistik		
	1. Keterbukaan	8,9,10,11	4
	2. Empati	12,13,14,15	4
	3. Dukungan	16,17,18,19	4
	4. Sikap Positif	20,21,22,23	4
	5. Kesaksamaan	24,25,26,27	4
	Model Pragmatik		
	1. Keyakinan Sosial	28,29,30,31	4
	2. Kebersamaan	32,33,34,35	4
	3. Pengurusan Interaksi	36,37,38,39	4
C	4. Daya Ekspresif	40,41,42,43	4
	5. Orientasi lain	44,45,46,47	4
Jumlah Keseluruhan Item			59

### **Taburan Responden Mengikut Sekolah**

Rajah 2 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut sekolah. Bilangan responden dalam kajian ini ialah seramai dua ratus tujuh belas (217) orang. Responden yang diambil secara rawak terdiri daripada guruguru lelaki dan perempuan daripada Sekolah Kebangsaan Bandar Maharani seramai 48 orang (22.1%), Sekolah Kebangsaan Parit Keroma seramai 15 orang (6.9%) , Sekolah Kebangsaan Parit Keroma Darat seramai 14 orang (6.5%), Sekolah Kebangsaan Parit Raja seramai 20 orang (9.2 %), Sekolah Kebangsaan Parit Bakar Darat seramai 19 orang ( 8.8 %), Sekolah Kebangsaan Seri Jong seramai 16 orang (7.4 %), Sekolah Kebangsaan Seri Bukit Batu seramai 15 orang ( 6.9%), Sekolah Kebangsaan Sungai Abong seramai 46 orang (21.2 %) dan Sekolah Kebangsaan St. Andrews seramai 24 orang (11.1%). Ini menunjukkan bahawa Sekolah Kebangsaan Bandar Maharani merupakan responden yang paling ramai iaitu 48 orang ( 22.1%) manakala Sekolah Kebangsaan Parit Keroma Darat merupakan responden yang paling sedikit iaitu 14 orang ( 6.5%).



**Rajah 2 Taburan responden mengikut sekolah**

### AspekAspek Komitmen Guru

Persoalan kajian kedua menyatakan bahawa “Apakah komitmen guru terhadap jenis Komunikasi Interpersonal Guru Besar?. Analisa data dilakukan untuk mengenal pasti peraturan kekerapan dan nilai bagi itemitem yang terlibat dalam dimensi ini. Jadual 3 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan berkaitan aspek Komitmen Guru. Jumlah min keseluruhan item digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang kedua.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa purata keseluruhan min bagi aspek Komitmen Guru ialah 4.26. Min tertinggi ialah pada item 12 iaitu 4.42. Dalam item 12, di dapati seramai 198 orang (91.2%) responden setuju bahawa mereka bertugas dengan ikhlas dan rela. Seramai 18 orang (8.3%) mengatakan tidak pasti dan 1 orang (0.5%) tidak setuju. Diikuti oleh item 4 yang mengatakan bahawa usaha saya selama ini bukan untuk saya sahaja tetapi untuk sekolah juga mendapati seramai 203 orang (93.5%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut manakala 14 orang ( 6.5%) mengatakan tidak pasti.

Dapatkan ini menunjukkan bahawa majoriti guruguru di Zon Maharani dapat menerima kenyataan bahawa mereka menjalankan tugas dengan ikhlas dan rela dan dapat memberikan komitmen padu untuk sekolah.

**Jadual 3 : Taburan kekerapan dan peratusan berkaitan aspek Komitmen Guru.**

No	Item	Skor			Min	Tahap	
		STS	TP	SS			
1	Saya berasa diri saya sebahagian dari sekolah ini	F	0	8	209	4.31	Tinggi
		%	0	3.70	96.3		
2	Saya berasa bangga untuk memberitahu orang lain di mana saya bertugas	F	2	7	208	4.28	Tinggi
		%	0.9	3.2	95.9		
3	Saya tidak akan puas selagi tidak dapat membantu meningkatkan prestasi sekolah	F	0	17	200	4.24	Tinggi
		%	0	7.8	92.2		

4	Usaha saya selama ini bukan untuk saya sahaja tetapi untuk sekolah juga	F	0	14	203	4.33	Tinggi	
		%	0	6.5	93.5			
5	Saya tidak keberatan bekerja lebih masa	F	1	25	190	4.22	Tinggi	
		%	0.5	11.5	87.6			
6	Walaupun ditawarkan gaji yang lebih tinggi, saya tidak akan terfikir untuk bertukar kerja	F	3	23	191	4.28	Tinggi	
		%	1.4	10.6	88.0			
7	Saya tidak akan mencadangkan kepada rakan-rakan supaya bertukar ke sekolah lain	F	1	21	195	4.18	Tinggi	
		%	0.5	9.7	89.8			
8	Saya mengakui kerja saya telah memberi sumbangan kepada kebaikan sekolah	F	3	20	194	4.26	Tinggi	
		%	1.4	9.2	89.4			
9	Saya tidak berasa susah hati apabila di arah melaksanakan kerja yang agak sukar	F	5	27	185	4.19	Tinggi	
		%	2.3	12.4	85.2			
10	Saya bersedia mencerahkan tenaga apabila diminta pada bila-bila masa	F	2	27	188	4.22	Tinggi	
		%	0.9	12.4	86.6			
11	Saya tidak berasa membazirkan tenaga dan masa untuk membantu menyiapkan urusan sekolah	F	1	25	191	4.28	Tinggi	
		%	0.5	11.5	88.1			
12	Saya bertugas dengan ikhlas dan rela	F	1	18	198	4.42	Tinggi	
		%	0.5	8.3	91.2			
<b>Skor Min : 76.48</b>								
<b>Purata Skor Min</b>						<b>4.26</b>	<b>Tinggi</b>	

Jumlah Responden, (N) = 217 F- Kekerapan/Frekensi % - Peratusan Jumlah Item = 20  
 Skala Likert: STS ( Sangat Tidak Setuju), TP ( Tidak Pastii), SS ( Sangat Setuju)

Berdasarkan item 7, dapatkan menunjukkan min berada pada tahap penilaian yang terendah iaitu 4.18. Hasil kajian item 7, di dapati seramai 195 orang (89.8%) responden setuju bahawa mereka tidak akan mencadangkan kepada rakanrakan supaya bertukar ke sekolah lain tetapi terdapat seramai 21 orang (9.7%) yang mengatakan tidak pasti manakala seramai 1 orang (0.5%) mengatakan tidak setuju dengan pernyataan tersebut.

Ini menunjukkan bahawa komitmen guru terhadap sekolah adalah tinggi sehingga mereka tidak sanggup memberitahu rakanrakan untuk berpindah ke sekolah lain. Mereka sebenarnya dapat menerima tanggungjawab yang diberikan oleh Guru Besar untuk menyelesaikan tugas-

sekolah sekiranya Guru Besar dapat berko munikasi interpersonal dengan baik dan memberikan arahanarahan secara diplomasi.

### **Perbincangan**

Komitmen guru amat penting untuk memastikan organisasi sekolah mencapai visi dan misinya. Guru yang komited menjalankan tugas di sekolah merupakan guruguru yang telah menghayati erti pengorbanan demi kecemerlangan pelajarnya. Berdasarkan Jadual 3, dapatan kajian menunjukkan saya bertugas dengan ikhlas dan rela (item 12), usaha saya selama ini bukan untuk saya sahaja tetapi untuk sekolah juga (item 4), saya berasa diri saya sebahagian dari sekolah ini (item 1), saya berasa bangga untuk memberitahu orang lain di mana saya bertugas (item 2), walaupun ditawarkan gaji yang lebih tinggi, saya tidak akan terfikir untuk bertukar kerja (item 6) dan saya tidak berasa membazirkan tenaga dan masa untuk membantu menyiapkan urusan sekolah (item 11) adalah berada pada tahap tertinggi serta mendapat peratusan yang baik.

Ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Morton (1990), mengakui bahawa stail komunikasi kepemimpinan pihak pentadbir mempunyai hubungan yang signifikan dengan kepuasan para pekerjanya. Ini bermakna seseorang pemimpin yang ingin meningkatkan produktiviti organisasinya, maka mereka perlu terlebih dahulu mempertingkatkan hubungan komunikasi mereka dengan pegawai bawahan. Tingkah laku tersebut akan meningkatkan pula kepuasan dan komitmen pegawai bawahan tersebut dan seterusnya meningkatkan prestasi para pekerja dalam membantu keberkesanan dan produktiviti organisasi.

### **Rujukan**

- Azizi Yahaya. Shahrin Hashim. Jamaludin Ramli. Yusof Boon. Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Becker,C (1991). *Reasons For the Lack Of Debate In The Far East*, dalam. Samovar,L.A. and Porter R. (edc.), *Intercultural communication: A Reader*,(6<sup>th</sup> ed.),Wadsworth,Belmont.
- Covey,S.R. (2004). *The Seventh Habits : From Effectiveness To Greatness*. Franklin Covey
- Davis,K.(1973). The Organization that's not an the chart. In R.C. huseman,C.M.Logue and D,L, Freshley (eds), *Readings in Interpersonal and Organizational Communication*. Boston,MA : Holbrook Press.
- Fauziah Kamarudin (1998). *Gaya komunikasi Pengetua dan Persepsi Guru. Satu Kajian di beberapa buah sekolah Menengah di daerah Jelebu,Negeri Sembilan*. Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana.
- Gedders, Doven S. (1995). *Keys to Communication. A Handbook for School Success*. Califonia.
- Hoy, W.K. and Miskel C.G.(1996). *Educational Administration Theory, Research and Practice* (4 th ed). New York : Mc Grew Hill.
- Irmsher, Karen (1996). *Communication Skill*. Oregon.
- Ishak Mad Shah (2006). *Kepimpinan Dan Hubungan Interpersonal Dalam Organisasi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jaafar Muhamad (2008). *Kelakuan Organisasi*. Petaling Jaya : Leeds Publications (M) Sdn.Bhd.
- Mowday.R.T., Steers,R.M. and Porter,L.W. (1982). *Employee Organization Linkages : The Psychology of Commitment, Absenteeism and Turnover*, New York ; Academic Press.
- Omardin Ashaari (2002). *Pengurusan Sekolah : Suatu Panduan Lengkap*. Kuala Lumpur Utusan Publications Sdn. Bhd.

- Pearson Publishers., Judy Cornelia dan Brian H.Spitberg (1990). *Interpersonal, components and contexts*. USA : WM.C. Brown
- Saodah Wok (1994). *Masalah Pemikiran Kelompok*. Majalah Pengembangan, No.7(2) Serdang, Selangor: Pusat Pengembangan dan pendidikan Lanjutan.
- Weiner,B (1972). *Theories of Motivation*, Rand.McNally,Chicago.
- Yahya Awang (2000). *Persepsi GuruGuru Terhadap Komunikasi Pengetua Dalam Pembentukan Iklim Sekolah Menengah Kebangsaan Gemereh, Segamat*. Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda.
- Zainuddin Zakaria, Ziadatul Hidayah Zakaria (2006). *Komunikasi Efektif*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.